

DATE: 3RD NOVEMBER 2015

PUBLICATION: BERITA HARIAN

SECTION: NASIONAL SECTION

HEADLINE: NCT GROUP CELEBRATES ITS 30TH ANNIVERSARY

CATEGORY: COMPANY NEWS

NCT lancar buku sejarah kejayaan

Putrajaya: Pemaju hartanah, Kumpulan Syarikat NCT melancarkan NCT 'Coffee Table Book-Through The Years' sempena ulang tahunnya yang ke-30, malam tadi.

Pelancaran buku itu di-sempurnakan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Lee Chee Leong, yang mewakili Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai.

Pengarah Urusan Kumpulannya, Datuk Seri Yap Ngan Choy, berkata buku itu dilancarkan sebagai dorongan kepada orang ramai untuk berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi.

Beliau berkata, buku itu memaparkan sejarah kejayaan sejak penubuhannya sehingga kini, termasuk eksekutif tertinggi yang berkongsi pandangan serta pengalaman mereka membangunkan syarikat sejak tiga dekad lalu.

"Buku ini juga memaparkan sejarah dan pencapaian syarikat dalam meneruskan legasi kerja keras; dedikasi dan ino-



Ngan Choy (kiri) dan Chee Leong melancarkan **Coffee Table Book-Through The Years**, di Putrajaya, malam tadi.

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

vasi," katanya ketika berucap pada majlis makan malam gala NCT, di sini.

Pada majlis sama, Kumpulan Syarikat NCT turut melancarkan projek pembangunan Fasa 3, Blok 2, Ion Delemen@Genting Highlands iaitu pangsapuri servis mewah memabitkan nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM1 bilion.

Sehingga kini, 50 peratus daripada 219 unit pangsapuri yang ditawarkan sudah terjual.

Ngan Choy berkata, beliau yakin nilai pembangunan Ion Delemen

akan terserlah menerusi pembukaan Taman Tema Ke-20 Century Fox Genting Malaysia kelak.

Tambahnya, Ion Delemen dibangunkan berdekatan dengan beberapa tarikan utama di Genting Highlands, termasuk taman tema; pusat beli-belah mewah pertama di puncak bukit peranginan di Asia Tenggara, Premium Outlet Centre dan pelbagai kemudahan lain yang dirancang menerusi Pelan Pelancongan Bersepadu Genting (GIPP) sepanjang tempoh 10 tahun akan datang.